

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 21 TAHUN 1973

**CUTI TANPA REKOD UNTUK MENGHADIRI
MESYUARAT-MESYUARAT MAJLIS BERSAMA
KEBANGSAAN DAN JABATAN**

Berikutan dengan penubuhan jentera-jentera perundingan baru di peringkat Kebangsaan dan Jabatan sebagaimana yang disebutkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 tahun 1973, adalah perlu diterangkan dalam keadaan-keadaan manakah pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam dan Badan-badan Berkanun boleh diberi cuti tanpa rekod atau kebenaran meninggalkan kerja (time-off) untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan dengan Majlis Bersama Kebangsaan dan Jabatan itu.

2. Cuti khas tanpa rekod dengan gaji penuh akan diberi kepada pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam dan Badan-badan Berkanun yang dikehendaki menghadiri:

(i) Mesyuarat-mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan di peringkat Kebangsaan, iaitu—

(a) Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam termasuk Perkhidmatan Pelajaran;

(b) Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun termasuk Kuasa-kuasa Tempatan; dan

(c) [.....]¹

(ii) Mesyuarat-mesyuarat [majlis]² Pihak Pekerja yang diadakan sehari sebelum mesyuarat-mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan atau Jawatankuasa-jawatankuasa seperti yang disebutkan di atas;

(iii) Mesyuarat-mesyuarat Majlis Bersama Jabatan;

(iv) Mesyuarat-mesyuarat yang dipanggil oleh Kerajaan atau Jabatan-jabatan di mana pegawai-pegawai yang hadir mewakili Kesatuan-kesatuan Sekerja; dan

(v) Konvensyen dua tahun sekali yang diadakan untuk memilih anggota-anggota Majlis Pihak Pekerja.

3. Pekerja-pekerja yang hendak menghadiri mesyuarat-mesyuarat Pihak Pekerja selain daripada mesyuarat-mesyuarat yang disebutkan di perenggan 2 di atas atau mesyuarat-mesyuarat yang

dipanggil oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja, tidak boleh diberi cuti tanpa rekod. Walaubagaimanapun, mereka boleh memohon cuti rehat biasa jika kepentingan perkhidmatan membenarkan mereka berbuat demikian.

4. Dengan pengeluaran Pekeliling Perkhidmatan ini, maka F.E.O. Circular No. 6 tahun 1957 adalah dibatalkan.

DATUK ABDULLAH BIN AYUB,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
KUALA LUMPUR,
15hb Ogos, 1973

CATATAN:

- ¹ Perenggan dipotong menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 22 74. Perenggan asal ialah.
- ² Perkataan ditambah menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 22 74.